

28 SEP 2003

Abdullah-Chin Peng (Bergambar)

CHIN PENG TIDAK DIBENARKAN BALIK KETIKA INI, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 28 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak membenarkan bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng, balik ke Malaysia pada ketika ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Kebeneran tidak diberikan atas alasan bahawa Chin Peng masih terikat dalam satu organisasi yang diharamkan yang mengikut sejarahnya terlibat dalam keganasan di negara ini, katanya.

"Saya diberitahu oleh pihak ketiga bahawa Chin Peng kata dia nak balik pada waktu ini. Saya jawab kita tangguhkan dahulu membuat keputusan itu dan tidak beri apa-apa jawapan pada waktu ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan Hari Jantung Sedunia 2003 di sini, hari ini.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Pengerusi DAP Lim Kit Siang pada Jumaat yang meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membenarkan Chin Peng kembali ke Malaysia sebelum beliau bersara daripada jawatan Perdana Menteri akhir Oktober depan.

Semalam, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung yang turut mengulas kenyataan Lim berkata keputusan untuk membenarkan Chin Peng balik atau tidak adalah terpulang kepada Dr Mahathir dan Abdullah.

Abdullah mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan oleh pihak ketiga mengenai hasrat Chin Peng yang kini berada di Thailand untuk pulang ke Malaysia.

Sementara itu mengenai pemalsuan cek-cek bernilai RM3.0 juta milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Abdullah berkata beliau tidak mahu membuat sebarang spekulasi sama ada terdapat penglibatan pihak-pihak tertentu yang mempunyai maklumat mengenai wang itu atau "orang dalam".

Ketua Menteri Pulau Pinang Koh Tsu Koon semalam memberitahu satu sidang akhbar bahawa sebanyak RM3 juta wang perbendaraan Kerajaan Negeri disahkan telah lesap akibat pemalsuan sebanyak 500 keping cek yang bernilai RM4 juta.

Sebanyak RM1 juta lagi itu berjaya diselamatkan apabila kejadian itu disedari oleh sebuah bank yang mendapati beberapa keping "cek kerajaan" itu mempunyai nombor siri yang sama, kata Koh.

Laporan akhbar hari ini menyebut kes pemalsuan cek-cek itu disyaki dilakukan satu sindiket yang telah dikenalpasti oleh polis dan lima orang telah ditahan di Lembah Klang berhubung kejadian itu untuk membantu siasatan.

Mengenai majlis hari ini, Abdullah berkata kesihatan baik yang dinikmati oleh semua rakyat akan membantu usaha kerajaan ke arah membangunkan negara yang lebih berjaya.

Katanya, rakyat yang sihat, cergas dan ceria berupaya memberikan sumbangan yang terbaik kepada usaha pembangunan negara

Jika ramai rakyat yang sakit, tahap produktiviti dan kecekapan bekerja rakyat yang merupakan para pekerja di sektor awam dan swasta akan terganggu dan ini akan membantutkan usaha membangunkan negara, katanya.

"Saya juga berharap usaha mesti ditingkatkan untuk mengurangkan kadar orang yang sakit terutamanya (mengalami) sakit-sakit yang berat," kata Abdullah.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau percaya Kementerian Kesihatan akan memainkan peranan itu, dengan kemudahan prasarana kesihatan dan tahap rawatan yang baik yang disediakan dalam mengurangkan kadar rakyat yang

sakit.

-- BERNAMA

RIZ PR